



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 3 & 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8885 0748
Web : latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM500-3/4/9 Jld. (15)
Tarikh : 20 Februari 2019

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

TAWARAN BIASISWA YANG DI-PERTUAN AGONG (BYDPA) SESI PENGAJIAN 2019/2020 BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH (PH.D) DI DALAM DAN LUAR NEGARA

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam mempelawa warganegara Malaysia yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia yang berkelayakan untuk memohon biasiswa Yang Di-Pertuan Agong (BYDPA) Sesi Pengajian 2019/2020 bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) di dalam dan luar negara. Bidang kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- a. Sains dan Teknologi.
- b. Ekonomi.
- c. Undang-Undang.
- d. Kewangan Islam.

3. Syarat-syarat permohonan dan tatacara untuk mengemukakan permohonan adalah seperti di **Lampiran A**. Pemohon yang berminat harus melayari laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Awam di www.ipa.gov.my atau <http://esilav2.ipa.gov.my> dan permohonan yang lengkap hendaklah dihantar sebelum atau pada **6 Mac 2019** kepada:

Unit Program Kepakaran 2
Cawangan Pentadbiran dan Pengurusan Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, Putrajaya
(u/p: En. Mohd Akbal Bin Ghazali)



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO : AR 4783

4. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memaklumkan tawaran ini kepada semua warganegara Malaysia yang beminat dan berkelayakan di Jabatan/Bahagian/Agensi YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk memohon tawaran biasiswa yang berprestij ini. Untuk sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi:-


Pn. Noorul Hidaayah binti Mohamad Nasir
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
E.mail: noorul.hidayah@moh.gov.my
No. Telefon: 03-8885 0660
No. Faks: 03-8885 0746

5. Perhatian dan tindakan segera daripada pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah;



(AZLAN BIN AHMAD)
Bahagian Pengurusan Latihan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Sokongan&Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan
Bahagian Kesihatan Pergigian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan
Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah
Bahagian Kejururawatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)

SENARAI EDARAN

Semua Pengarah Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Setiausaha Bahagian
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Hospital
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Institusi - Institusi Latihan KKM

1.0 SYARAT- SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

1.1 Pemohon- pemohon hendaklah memenuhi syarat- syarat seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Umur **tidak melebihi 35 tahun** pada tahun memulakan pengajian;
- c) Mempunyai keputusan akademik yang amat cemerlang iaitu CGPA minimum 3.75 atau kelas pertama atau yang setaraf dengannya;
- d) Calon yang aktif dalam kegiatan ko-kurikulum atau aktiviti kemasyarakatan atau menghasilkan kerja-kerja kreatif dan inovatif akan diberikan keistimewaan;
- e) Calon yang mahir dalam lebih daripada satu bahasa antarabangsa akan diberikan keistimewaan;
- f) Telah mendapat tempat atau telah mendapat tawaran pengajian secara sepenuh masa di universiti penyelidikan tempatan atau di universiti terkemuka dunia yang disenaraikan oleh JPA. (sila **semak di laman sesawang www.jpa.gov.my** atau **<http://esilav2.jpa.gov.my>**);
- g) Keterangan mengenai Program BYDPA Sesi Pengajian 2019/2020, syarat-syarat permohonan dan panduan permohonan boleh diperolehi dengan melayari portal **<http://esilav2.jpa.gov.my>** .

2.0 PANDUAN PERMOHONAN

2.1 Pemohon perlu mengisi:-

- a) Borang Permohonan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Sesi Pengajian 2019/2020 hendaklah diisi secara dalam talian (*on-line*), dimuat turun, dicetak dan dihantar dengan tangan atau melalui pos ke alamat seperti yang ditetapkan.
- b) Pemohon boleh mengemukakan permohonan *on-line* mulai jam 5.00 petang, 5 Februari 2018 sehingga tarikh tutup permohonan *on-line* dan tarikh akhir bagi mengemukakan borang permohonan iaitu pada **15 Mac 2019**.
- c) Pemohon hanya dibenarkan menghantar satu (1) permohonan sahaja.
- d) Pemohon dikehendaki menghantar Kertas Cadangan Pengajian (*Research Proposal*) dalam Bahasa Malaysia untuk pengajian dalam negara atau Bahasa Inggeris bagi pengajian di luar negara. Panduan menulis cadangan penyelidikan/pengajian adalah seperti di laman sesawang <http://esilav2.jpa.gov.my>.
- e) Pemohon dikehendaki untuk menghantar salinan dokumen/ sijil-sijil yang telah diakui sah semasa mengemukakan permohonan. Dokumen/ sijil-sijil asal perlu dibawa semasa menghadiri temuduga.
- f) Semua permohonan akan diproses selepas tarikh tutup permohonan. Hanya pemohon yang telah disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri sesi temu duga. **Keputusan pemohon** yang berjaya disenarai pendek boleh disemak di portal <http://esilav2.jpa.gov.my/> mulai **5 April 2019**.
- g) Bagi pemohon yang terdiri daripada kakitangan perkhidmatan awam, pemohon hendaklah mengisi borang tambahan iaitu borang **JPA(L)LDP 1A/96** dengan pengesahan markah LNPT bagi tahun 2015, 2016 dan 2017 atau 2016, 2017 dan 2018 oleh Ketua Jabatan.
- h) Semua pemohon termasuk ibu bapa pemohon adalah tidak tersenarai dalam senarai hitam peminjam skim pinjaman pelajaran JPA dan tidak melanggar perjanjian dengan pihak Kerajaan.
- i) Tiada sebarang rayuan akan diproses sekiranya pemohon gagal untuk disenarai pendek.

2.2. Pemohon adalah dinasihatkan untuk memahami dan mengikuti tatacara permohonan bagi mengelakkan permohonan tersebut ditolak.

2.3 Pemohon perlu menghantar dokumen yang telah diakui sah dan lengkap pada atau sebelum **6 Mac 2019** iaitu;

- a) Borang Permohonan Biasiswa Yang di-Pertuan Agong (BYDPA) Sesi Pengajian 2019/2020;
- b) Kertas Cadangan Pengajian (*Research Proposal*) dalam Bahasa Malaysia untuk pengajian dalam negara atau Bahasa Inggeris bagi pengajian di luar negara;
- c) Salinan Buku Perkhidmatan yang terkini;
- d) Borang Perakuan Ketua Jabatan beserta pengesahan markah LNPT bagi tahun 2015,2016 dan 2017 atau 2016, 2017 dan 2018;
- e) Borang JPA(L)LDP 1A/96 yang lengkap;
- f) Borang Tapisan Keselamatan Kasar (Borang KPKK 11) yang lengkap; dan
- g) Sijil-sijil berkaitan yang telah diakui sah.

kepada:-

Unit Program Kepakaran 2
Cawangan Pentadbiran dan Pengurusan Latihan
Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
Aras 6, No 26, Persiaran Perdana, Presint 3
62675, Putrajaya
(u/p: En. Mohd Akbal Bin Ghazali)

2.4 Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan tawaran biasiswa ini boleh dirujuk ke Bahagian Pengurusan Latihan, KKM seperti berikut:

Pn. Noorul Hidayah binti Mohamad Nasir
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
E.mail: noorul.hidayah@moh.gov.my
No. Telefon: 03-8885 0660
No. Faks: 03-8885 0746

atau;

Bahagian Pembangunan Modal Insan
Jabatan Perkhidmatan Awam
Email: penawaranldp@jpa.gov.my
No.Tel: 03-8885 3546/3053/3438